



## SUMBANGAN WAKAF TUNAI UNTUK WAKAF PENDIDIKAN UPNM

### TEMA

*"Dana Wakaf Dapat Membantu dan Menampung Keperluan Pendidikan bagi warga UPNM"*

## *Sejarah Penubuhan Pusat Pengurusan Wakaf (PPW)*

Pusat Pengurusan Wakaf Universiti Pertahanan Nasional Malaysia telah ditubuhkan secara rasmi pada 16 Februari 2017 melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti UPNM Bil. 1/2017. Ianya berperanan sebagai pemangkin kepada sumber kewangan universiti khasnya bagi keperluan pendidikan di UPNM. Surat kebenaran untuk membuat wakaf (Al-Mutawwali) oleh UPNM telah diperolehi pada 8 November 2018 daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Seterusnya memorandum persefahaman Wakaf Pendidikan UPNM-MAIWP(MOA) telah diadakan pada 13 Mac 2019 di Hotel Putra Kuala Lumpur yang ditandatangai oleh YB Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

## *Objektif Penubuhan*

- Menyalur dan mengagihkan dana wakaf UPNM kepada warga kampus khasnya dan masyarakat Islam amnya;
- Membudayakan amalan wakaf di kalangan warga UPNM demi melahirkan insan yang berprijihatin dan bertanggungjawab;
- Meningkatkan dana wakaf UPNM bagi menampung keperluan pendidikan dari semasa ke semasa;
- Membangunkan aset-aset wakaf UPNM yang sesuai untuk pembangunan pendidikan berterusan;
- Menjana pendapatan melalui program wakaf dan endowment.

## *Wakaf Dari Kaca Mata Islam*

Ibadah wakaf merupakan salah amalan sunat yang amat dituntut dalam Islam bagi mereka yang ingin mencari keberkatan dalam hartanya serta mengharapkan keredaan Allah SWT. Wakaf merupakan mekanisme perkongsian harta kekayaan dan kelebihan yang telah diberikan oleh Allah dengan orang yang lain. Dengan mengagih semula harta kekayaan kepada orang lain, ianya boleh membantu mencapai pembangunan ekonomi sesebuah Negara. Sebenarnya, amalan wakaf merupakan sistem yang telah lama wujud dalam kehidupan manusia sebelum Islam dan terus berkembang yang akhirnya wakaf mampu membina kekuatan tamadun Islam dan secara tidak langsung membina kemampan ekonomi umat Islam.

### *Pengertian Wakaf:*

Wakaf dari sudut **bahasa** bererti menahan, menegah dan terhenti.

Pengertian **Istilah** antaranya Wahbah al-Zuhayli telah mendefinisikan wakaf ialah menahan harta yang kekal zatnya yang boleh digunakan manfaatnya untuk tujuan kebaikan sebagai usaha taqarrub kepada Allah SWT, harta yang diwakafkan diserahkan kepada pihak tertentu dan mereka tidak boleh menggunakan harta wakaf tersebut secara sewenang-wenangnya.

Dalam perundangan Islam pula, wakaf difahami sebagai suatu bentuk dedikasi harta, sama ada secara terang (sarih) atau sindiran (kinayah) di mana harta (substance) berkenaan ditahan dan hanya manfaatnya sahaja yang diaplิกasikan kepada tujuan-tujuan kebaikan sama ada berbentuk umum mahupun khusus.

Sebenarnya terdapat pelbagai definisi wakaf yang telah dikemukakan oleh sarjana Islam, walaupun wujud perbezaan definisi namun ianya membawa maksud yang sama iaitu wakaf ialah sebagai alat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

## *Dalil Keharusan Wakaf*

Antara dalil keharusan amalan wakaf ini telah dirakamkan oleh Allah SWT menerusi firman dalam surah *Ali 'Imran*, ayat 92 yang bermaksud;

***“Kami tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian apa yang kamu sayangi dan apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetuainya.”***

Begini juga terdapat hadith Rasulullah SAW tentang keharusan amalan wakaf ini, yang mana Allah SWT memberi ganjaran pahala yang berkekalan dan berpanjangan selama harta wakaf itu masih ada dan terus dimanfaatkan atau tidak musnah. Abu Hurairah r.a. telah menjelaskan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud;

***“Apabila mati seorang anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya”***

## *Hikmah Wakaf*

Di antara faedah dan hikmah pensyariatan wakaf ialah;

- a) Amalan wakaf ini dapat meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dan dalam masa yang sama ia dapat mengalahkan perasaan bakhil dan kedekut yang sangat dibenci oleh agama Islam.
- b) Wakaf membuka ruang dan peluang untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan cara menginfakkan harta ke jalan Allah.
- c) Wakaf juga dapat menuaikan impian seseorang untuk melihat kebajikannya sentiasa berterusan walaupun selepas kematiannya, dan ganjaran pahala sentiasa diperolehnya ketika di kubur walaupun dia tidak boleh lagi beramal di dunia.
- d) Wakaf menzahirkan erti pengorbanan yang besar pada jalan Allah SWT dan seterusnya dapat membantu golongan fakir miskin, anak-anak yatim dan golongan-golongan yang memerlukan sesuatu untuk tujuan pembangunan dan kepentingan agama Islam.

## *Saluran Sumbangan Wakaf*

Wakaf pendidikan UPNM anda boleh disalurkan seperti butiran di bawah;

- ✓ **Cek** – Atas nama Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan hantar kepada Pusat Pengurusan Wakaf.
- ✓ **Secara tunai** – Boleh diserahkan kepada Pejabat Pusat Pengurusan Wakaf, Aras 2, Bangunan Bestari, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).
- ✓ **Perbankan Internet** – Bayaran hendaklah dibuat atas nama **UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**:

No. akaun : **80028828739 (Cimb Bank)**  
Nama akaun : **Universiti Pertahanan Nasional Malaysia**

No. akaun : **105200004691 (Affin Bank)**  
Nama akaun : **Universiti Pertahanan Nasional Malaysia**  
Sila kemukakan bukti pembayaran kepada [wakaf@upnm.edu.my](mailto:wakaf@upnm.edu.my)

### *Disediakan Oleh:*

Prof. Madya Dr. Sayuti Ab. Ghani  
Pengarah  
Pusat Pengurusan Wakaf (PPW)  
UPNM  
[wakaf@upnm.edu.my](mailto:wakaf@upnm.edu.my)